

# UMS sasar dua emas SUKIPT 2018

UB 31.1.2018 A12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) hanya sasar dua emas, dua perak dan dua gangsa pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor pada 2-10 Februari.

Kontinjen UMS dengan kekuatan 18 atlet dan tujuh pegawai yang diketuai Cristina Ideris hanya akan mengambil bahagian dalam enam daripada 27 sukan yang dipertandingkan.

Sukan yang disertai UMS adalah taekwondo, silat, karate, boling tenpin, petanque dan olahraga.

Sukan lain yang dieprtandingkan adalah ragbi, softbol, boling padang, kriket, bola sepak, hoki enam sebelah,

badminton, ping pong, catur, bola tampar, lawan pedang, sepak takraw, skuasy, bola jaring, golf, tenis, bola tampar pantai, berbasikal, menembak, memanah dan renang.

“Tahap kejohanan amat tinggi di mana ia turut disertai atlet-atlet kebangsaan. Oleh itu UMS hanya sasarkan dua emas, dua perak dan dua gangsa,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Sukan itu disertai lebih 100 pasukan yang terdiri dari semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta, kolej-kolej universiti, politeknik dan Kolej Komuniti di negara ini.

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar, Professor Dr Ismail Alis semasa mewakili Naib Canselor menyerahkan bendera UMS kepada kontinjen berharap pingat yang disasarkan itu dapat dikotakan.

“Bertandinglah dengan penuh keyakinan dan semangat juang tinggi dan semangat kesukaran,” katanya sambil mengumumkan bahawa insentif lumayan juga disediakan untuk atlet yang cemerlang pada sukan itu.

Sebagai rekod, UMS mengotakkan sasaran enam pingat mas untuk menduduki tempat ketujuh di kalangan 114 pasukan pada SUKIPT 2016. UMS diwakili 20 atlet pada edisi ketiga sukan berkenaan di Johor. -Oleh VITALIS G BINGKASAN



**KONTINJEN UMS** yang akan ke SUKIPT 2018 bersama Dr Ismail (10 dari kanan) dan Asyraaf semasa Majlis Penyerahan Bendera UMS kepada kontinjen di UMS pada Selasa.